

**Najib Berucap Tentang Cabaran Ekonomi Pada Sidang Kemuncak Bernama-ASLI
Bernama
6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, akan menyampaikan ucap tama pada Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan esok yang akan memperkatakan tentang isu dan cabaran yang mendepani ekonomi negara.

Pertemuan anjuran bersama Agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) itu akan menyaksikan Najib, yang juga Menteri Kewangan, memberikan lebih banyak penjelasan mengenai landskap ekonomi negara dan memberikan kefahaman tentang usaha menggerak maju ekonomi, terutamanya memandangkan cabaran-cabaran luaran yang dihadapi oleh Malaysia.

Sidang kemuncak bertema "Memacu Ekonomi Malaysia: Meneliti Punca Utama" itu akan juga menampilkan satu sesi panel khas bertajuk "Apakah Kedudukan Sebenar Ekonomi Malaysia? Bagaimanakah Kita Boleh Mengorak Langkah Ke Hadapan Dalam Mengatasi Cabaran Ekonomi Yang Dihadapi?"

Anggota panel itu terdiri daripada tokoh bank dan pakar ekonomi seperti Pengerusi Bank Muamalat, Tan Sri Dr Munir Majid, yang juga merupakan Felo Pelawat Kanan London School of Economics; Pengerusi Star Publications, Tan Sri Dr Fong Chan Onn, yang juga bekas Menteri Sumber Manusia dan bekas Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Malaya; dan Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, Pengerusi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), yang juga bekas Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Sidang Kemuncak dan Dialog itu diadakan sejurus selepas Malaysia melaporkan pertumbuhan positif dan mencatatkan angka pelaburan yang tinggi bagi 2013, namun meskipun dengan penarafan yang bertambah baik dan tanggapan yang lebih baik daripada bank-bank antarabangsa terhadap Malaysia sekarang, kelayakan ekonominya masih dipandang rendah.

Malaysia telah mencapai prestasi yang membanggakan meskipun menghadapi cabaran-cabaran global seperti yang terbukti daripada kadar pertumbuhan ekonominya, eksportnya yang cergas, serta pelaburannya yang bertambah.

Pengaliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) bersih Malaysia tahun lepas melonjak 24 peratus kepada RM38.774 bilion; ini mengatasi paras tertinggi pengaliran masuk FDI negara sebanyak RM37.325 bilion yang dicatatkan pada 2011 dengan peningkatan sebanyak 3.9 peratus, manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengukuh 5.1 peratus dalam suku keempat tahun lepas, berikutan kenaikan lima peratus dalam suku ketiga.

Dalam 2013, ekonomi berkembang sebanyak 4.7 peratus, berbanding 5.6 peratus dalam 2012.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019861>